

**NO SOALAN :50****PEMBERITAHUAN PERTANYAAN****DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**DARIPADA : Y.B. TUAN CHE MOHAMAD ZULKIFLY BIN JUSOH  
(SETIU)**

**PERTANYAAN : LISAN**

**TARIKH : 03.08.2017**

**Y.B. TUAN CHE MOHAMAD ZULKIFLY BIN JUSOH [ SETIU ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan langkah Kerajaan untuk turut memberikan pendedahan dan akses kepada penduduk luar bandar sebagai pelabur runcit bagi membangunkan portfolio ekonomi mereka melalui aktiviti pasaran saham.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, komitmen Suruhanjaya Sekuriti Malaysia (SC) terhadap inisiatif pendidikan pelabur dalam pasaran modal bermula sejak tahun 1994 dan sejak tahun 2014,

inisiatif pendidikan SC ini dilaksanakan di bawah jenama *InvestSmart*. Inisiatif ini disampaikan oleh pihak SC sendiri atau dengan kerjasama rakan strategik yang merangkumi masyarakat di bandar dan di luar bandar. Antara inisiatif-inisiatif yang dilaksanakan oleh SC adalah seperti berikut :

i) Mengadakan interaksi khusus dengan masyarakat luar bandar melalui program seperti berikut :

- "SC dalam Masyarakat" ("*SC in the Community*"), yang mana pegawai SC akan turun padang sama ada melalui inisiatif sendiri atau bersama-sama dengan rakan strategik seperti BNM dan KPDNKK;
- *Mobile CTC*, iaitu program di bawah Strategi Lautan Biru Kebangsaan (*National Blue Ocean Strategy*) anjuran Kementerian Kewangan yang meliputi masyarakat di Pontian, Batu Pahat, Jeli, Gerik, Hulu Terengganu, Dabong, Miri, penempatan-penempatan di Felda dan juga komuniti rumah panjang di Ulu Bailingian, Kanowit, Mukah, Bakun dan Sungai Asap; dan
- Program-program ini telah disertai oleh hampir 70,000 peserta.

ii) Mengadakan ceramah atau seminar dan pameran *InvestSmart* melalui program seperti berikut :

- *InvestSmart Day* yang diadakan di bandar-bandar di luar Kuala Lumpur seperti Ipoh, Pulau Pinang, Johor Bahru dan Kuching bertujuan untuk memberi peluang kepada masyarakat sekitar untuk menambah pengetahuan dalam pasaran modal;
  - *InvestSmart Kiosk*, yang mana pegawai SC akan membuka kaunter di tempat-tempat awam bagi tujuan perkongsian maklumat dengan masyarakat;
  - Penglibatan *InvestSmart* di dalam program-program rakan strategik seperti Minggu Saham Amanah Permodalan Nasional Berhad dan Karnival Kewangan BNM yang telah diadakan di beberapa bandar di luar Kuala Lumpur; dan
  - *InvestSmart Fest*, yang merupakan acara tahunan yang diadakan sejak tahun 2014.
- iii) Mewujudkan perkongsian maklumat melalui risalah, artikel-artikel, iklan, video dan wawancara di media cetak seperti suratkhobar dan majalah serta di media elektronik seperti di Radio Televisyen Malaysia (RTM), TV3, ASTRO dan radio BFM (*The Business Radio Station*); dan
- iv) Melalui perkongsian maklumat menerusi media digital seperti laman sesawang, *Facebook* dan aplikasi mudah alih *InvestSmart App*.

NO. SOALAN: 51

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KELIMA  
PARLIMEN KETIGA BELAS (2017)  
DEWAN RAKYAT**

---

**PERTANYAAN** : **LISAN**

**DARIPADA** : **YB DATUK JUMAT BIN IDRIS  
[SEPANGGAR]**

**TARIKH** : **3 OGOS 2017 ( KHAMIS)**

**SOALAN** :

**Datuk Jumat Bin Idris [Sepanggar]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan berapakah bilangan kelulusan Jemaah haji pada tahun 2017 bagi negeri Sabah dan khususnya kawasan Sepanggar.

**JAWAPAN** : **(YB MEJAR JENERAL DATO' SERI JAMIL KHIR  
BIN HAJI BAHAROM (B), MENTERI DI JABATAN  
PERDANA MENTERI )**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, bilangan jemaah haji dari Negeri Sabah pada Musim Haji 1438H/2017M adalah berjumlah 1,140 orang, berbanding 682 orang pada 1437H/2016M.

Sepanggar adalah di bawah pengendalian Lembaga Tabung Haji (**TH**) Kota Kinabalu. Jemaah haji di bawah pengendalian **TH** Kota Kinabalu adalah seramai 371 orang bagi tahun 1438H/2017M, berbanding 277 orang pada 1437H/2016M. Disamping itu, terdapat juga sebilangan jemaah yang berasal dari Negeri Sabah, tetapi memilih untuk berlepas ke Tanah Suci melalui stesen-stesen berlepas lain seperti Kelana Jaya - KLIA atau Senai - Johor.

Sekian. Terima kasih.